

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 SEPTEMBER 2016

Ismail Sabri hairan sikap bekas Perdana Menteri

# Dr. Mahathir pernah arah serang Anwar

Um-12/9/2016

Oleh MOHD.FIRDAUS ISMAIL

pengarang@utusan.com.my

## ■ PULAU PINANG 11 SEPT.

**A**HLI Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melahirkan rasa hairan dengan tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang terdesak sehingga sanggup bertemu dengan musuh ketat politiknya, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu berkata, ketika zaman Dr. Mahathir menjadi Presiden UMNO selama 22 tahun dan berseteru dengan Anwar sekitar tahun 1998, ahli-ahli UMNO ketika itu sering diingatkan untuk menyerang bekas Ketua Pembangkang berkenaan.

Katanya, atas prinsip kepatuhan kepada parti yang ditunjangi Dr. Mahathir, ahli-ahli UMNO berganding bahu mengikut arahan beliau dengan 'memerangi' Anwar.

"Beliau (Dr. Mahathir) bertahan lama dahulu adalah disebabkan

sokongan yang diberikan oleh kita iaitu ahli-ahli akar umbi malahan menyuruh kita menyerang Anwar.

"Bagaimanapun, kini keadaan berubah apabila beliau kembali bersama Anwar untuk merosakkan institusi UMNO yang menjadi wadah perjuangan orang Melayu," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Tanjung di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Tanjung, Datuk Ahmad Ibnu Hajar dan Setiausaha Perhubungan UMNO negeri, Datuk Musa Sheikh Fadzir.

Menurut Ismail Sabri, dalam usaha menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Dr. Mahathir kini juga menjalin hubungan dengan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan dua lagi musuh ketat politiknya, Lim Kit Siang dan Lim Guan Eng.

"Bagaimanapun, di sebalik tindak tanduk beliau termasuk menubuhkan parti baharu, saya yakin ahli-ahli UMNO akan terus

beristiqamah dalam meneruskan perjuangan terutamanya mengekalkan kerusi-kerusi yang kita menangi," katanya.

Dalam masa sama, Ismail Sabri berharap parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) juga akan saling melengkapi dengan bekerjasama untuk merampas kembali kerusi-kerusi yang tewas.

"Kita bekerja sebagai satu pasukan dan jika ada teguran yang diberikan, kita harus berlapang dada dan terima dengan positif," katanya.

Sementara itu dalam konteks di negeri ini, Ismail Sabri mencadangkan UMNO negeri menggunakan formula '10 tambah lima' iaitu mengekalkan 10 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 di samping mencari lima kerusi lain untuk dirampas.

"Ini penting untuk menunjukkan UMNO terus kuat di sini dan bagaimana cara untuk melakukannya, saya serahkan kepada Badan Perhubungan UMNO negeri," katanya.

